

PAS mahu Akta Mahkamah Syariah dipinda agar hukuman lebih berat
Malaysian Insider
Sept 23 , 2013

Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) mahu Akta Mahkamah Syariah 1965 yang kali terakhir disemak kira-kira 25 tahun lalu dipinda bagi membolehkan hukuman lebih berat kepada pesalah jenayah syariah.

Menurut Presiden PAS itu, akta tersebut mengehendkan hukuman syariah kepada formula 356 iaitu penjara maksimum tiga tahun, denda RM5,000 dan enam sebatan.

“Jika menang kita akan pinda sedikit sahaja, Islam agama Persekutuan, hak-hak agama lain dijamin dan negeri ada kuasa melaksanakan Islam,” katanya dipetik dari akhbar Sinar Harian.

Tambah Abdul Hadi, akta sedia ada dilihat jauh ketinggalan dan tidak lagi menggerunkan bagi membendung jenayah syariah. – 23 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-mahu-akta-mahkamah-syariah-dipinda-agar-hukuman-lebih-berat>